

01/10/1997

Suara negara membangun semakin berpengaruh

Hafifi Hafidz; Azizi Othman

MESYUARAT Tahunan IMF-Bank Dunia yang berakhir Khamis lalu meninggalkan kesan mendalam terhadap kedua-dua institusi itu. Walaupun tiada sebarang resolusi atau deklarasi dikeluarkan di akhir mesyuarat, yang jelas ialah kedua-dua organisasi itu kini mempunyai paradigma baru dalam keseluruhan struktur operasinya. Perkembangan yang paling penting daripada mesyuarat kali ini ialah perubahan dalam kuota sumbangan 181 negara anggotanya.

Berikutan persetujuan sebulat suara diterima bagi usul itu, IMF-Bank Dunia kini berubah daripada sebuah institusi yang didominasi oleh negara yang kaya sebelumnya kepada suara baru negara membangun. Ini bermakna, semua tindak-tanduk IMF dan Bank Dunia itu yang sebelum ini cenderung untuk menjaga kebajikan dan kepentingan negara kaya, kini lebih tertakluk kepada izin dan persetujuan negara membangun.

Pada masa yang sama, saluran bantuan yang dibuat menerusi Bank Dunia - sebagai institusi keprihatinan sosial sejagat - akan lebih seimbang dengan sumbangan dana mengikut formula baru yang memperlihatkan negara maju menghulurkan jumlah yang lebih besar berbanding negara membangun. Paling penting, peluang untuk kuasa besar menjadikan Bank Dunia sebagai 'peti besi' mereka dan IMF sebagai senjata percaturan ekonomi sejagat kini semakin tertutup.

Tidak dinafikan usaha negara besar mengekalkan pengaruhnya dalam institusi Bretton Woods itu masih ketara. Ia jelas kelihatan menerusi beberapa agenda baru Barat yang mula mengetengahkan soal ketelusan dan rasuah dalam mesyuarat kali ini dan ia disokong kuat oleh 'polis dunia' - Amerika Syarikat - menerusi Setiausaha Perbendaharaannya, Robert Rubin. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa walaupun relevan, dua aspek berkenaan amat kurang pentingnya berbanding beberapa isu lain dalam keseluruhan operasi IMF-Bank Dunia. Bagaimanapun, negara membangun nampaknya kini semakin matang dengan taktik kuno Barat yang sering menjadikan forum seperti itu sebagai medan memperluaskan cengkaman mereka.

Ia jelas apabila beberapa perwakilan Lembaga Gabenor IMF-Bank Dunia, dalam ucapan mereka pada mesyuarat itu mengkritik keras cadangan berkenaan. Sambil mengakui hakikat dua elemen itu memang perlu diberi perhatian, mereka dengan jelas mempersoalkan apakah relevannya dalam konteks semasa. Lebih daripada itu, ada yang secara terang-terangan membantah resolusi itu dan mempertikaikan kecenderungan IMF dan Bank Dunia untuk menuding telunjuk ke arah negara membangun setiap kali isu rasuah ditimbulkan sedangkan hakikatnya ia juga berlaku di negara maju.

Mengkaji daripada perspektif yang lebih menyeluruh, jelas bahawa dua isu itu yang hebat dibincangkan dalam mesyuarat kali ini memang satu 'agenda terancang' yang didalangi negara membangun. Ini kerana, slogan ketelusan pasaran kewangan dan liberalisasi yang dilaungkan akan hanya memberi manfaat kepada negara maju sedangkan negara membangun akan terus terkebelakang. Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada seminar menjelang mesyuarat itu memang wajar dipandang berat.

Perdana Menteri, dalam ucapan sinisnya yang meminta IMF dan Bank Dunia keluar daripada kekolotan mereka sendiri mengambil contoh pasaran terbuka sebagai jentera propaganda Barat. Menurut Dr Mahathir, dalam pada Barat ghairah berlagak sebagai pejuang pasaran terbuka, mereka sendiri tidak pernah melaksanakannya. Mengambil Eropah sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, mereka yang kononnya menentang campur tangan kerajaan dalam perniagaan, secara terang-terangan melakukannya. Persoalannya, kenapa

negara membangun yang sering dipersalahkan ?

Dalam menangani cabaran globalisasi menjelang alaf baru, Malaysia sebagai sebuah negara membangun sememangnya boleh berbangga dengan solidariti dunia ketiga dalam mesyuarat kali ini. Walaupun ada segelintir yang masih cenderung untuk tunduk kepada `jelingan tajam' dan `ugutan dalam jenaka' yang dimainkan oleh Barat, sebahagian besarnya sanggup menyatakan pendirian tegas menyuarakan hak mereka dan menuntut supaya agensi pelbagai hala seperti IMF dan Bank Dunia mendengar rintihan mereka.

Hakikatnya jelas terbukti dalam perbincangan mengenai isu krisis mata wang yang kini melanda ekonomi Asia Tenggara yang seolah-olah menjadi agenda utama dalam mesyuarat kali ini. Walaupun kuasa besar hanya mahu menyalahkan negara membangun saja dan menegaskan ia adalah salah negara membangun sendiri, solidariti negara ini menyuarakan hak mereka menyebabkan mereka terpaksa mengakui hakikat sebenar dan akur bahawa spekulator dari negara maju adalah dalang di sebaliknya.

Desakan dan suara negara membangun itu memaksa Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus, membuat kenyataan bahawa badan dunia itu akan mengkaji saranan yang diketengahkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai dua inisiatif yang boleh dilakukan dalam usaha memastikan globalisasi dan pembukaan pasaran yang dibuat oleh negara membangun tidak mendedahkan mereka terhadap risiko `dirompak' oleh spekulator mata wang dan pasaran modal. Pada masa yang sama, ia juga akan memberikan beberapa perlindungan kepada ekonomi membangun daripada terus-terusan menjadi hamba kepada percaturan kuasa yang didalangi negara maju.

Kelantangan dan suara negara membangun juga nampaknya semakin mendapat perhatian dalam mesyuarat kali ini. Cadangan negara Asia untuk mewujudkan sebuah tabung khas sebagai persediaan negara serantau dalam menghadapi sebarang kemungkinan daripada krisis kewangan menjadi bukti bahawa solidariti yang ditunjukkan mampu menggegarkan pengaruh serta ego kuasa besar. Walaupun penubuhan tabung itu sememangnya satu tamparan hebat kepada kewibawaan IMF sendiri sehingga mendapat tentangan sejak awalnya, ia terpaksa akur dengan realiti. Pada akhir mesyuarat, pegawai IMF dengan berat hati terpaksa mengeluarkan kenyataan bahawa mereka bersedia menerimanya jika ia dibuat dalam konteks yang selari dengan penubuhan tabung itu sendiri.

Selain itu, Mesyuarat Tahunan IMF-Bank Dunia kali ini juga membawa satu perubahan yang kontras. Jika sebelum ini suara lantang Malaysia dalam forum antarabangsa sering menyebabkan kita dianggap sebagai `budak nakal', kini Barat tidak lagi dapat melindungi helahnya dengan label atau momokan seperti itu. Ini kerana, semakin banyak negara yang mula sedar bahawa mereka perlu berusaha keras untuk mendapatkan sesuatu, walaupun ia bermakna mendapat pelbagai label atau tuduhan yang kurang popular. Penjelasan Timbalan Perdana Menteri mengenai tidak siapa yang boleh menafikan hak Malaysia untuk bersuara di forum antarabangsa seperti mesyuarat IMF-Bank Dunia jelas membuka mata banyak pihak.

Dengan itu, tidak hairanlah jika sepanjang beberapa hari berikutnya, ramai perwakilan negara membangun, yang berani memberi kritikan pedas terhadap IMF-Bank Dunia. Ia termasuklah Pengarah Perbendaharaan Mozambique, Manuel Chang yang secara terbuka mempersoalkan keberkesanan program membasmi kemiskinan Bank Dunia. Menariknya, suara negara membangun sebenarnya bukanlah tidak mendapat perhatian, kerana dalam beberapa isu, pakar ekonomi Barat turut menyokong mereka. Contohnya, kenyataan daripada bekas Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, Paul Volckier, yang mengkritik kepemimpinan Bank Dunia yang diterajui Presidennya, James Wolfensohn, mengejutkan ramai perwakilan.

Dalam beberapa kes lain pula, negara maju sendiri yang selama ini terpaksa berpura-pura kerana imej yang mereka tunjukkan sendiri juga mula

keluar daripada kemelut masing-masing. Inilah sebenarnya yang mendorong beberapa kenyataan mengejutkan daripada Gabenor Banque de France yang juga Gabenor IMF Perancis, Jean-Claude Trichet untuk menyatakan pendiriannya menyokong negara membangun secara terbuka. Ia kemudiannya disusuli sokongan padu Menteri Kewangan Jerman, Theo Waigel yang bersetuju bahawa sudah sampai masanya untuk agensi kolektif seperti IMF dan Bank Dunia menilai semula keberkesanan pelbagai program yang dilaksanakannya selama ini dan sama ada ia sesuai dengan tuntutan semasa.

Semua perkembangan itu sebenarnya membawa kepada satu kesimpulan yang jelas iaitu suara negara membangun kini semakin diberi perhatian kerana wujudnya solidariti di kalangan mereka. Sebenarnya, dalam menghadapi cabaran semasa, yang penting bukannya siapa yang membuahkan sesuatu ide sebaliknya menilai apakah kebaikan yang dapat diperolehi daripadanya. Masanya sudah berlalu untuk negara membangun menjadi hamba kepada negara kaya dan zaman di mana kuasa besar memperkudakan dan menunggang organisasi pelbagai hala seperti IMF dan Bank Dunia kini sudah berakhir.

Sebagai sebuah negara dengan pucuk pimpinan negara yang prihatin, Malaysia kini boleh berbangga kerana suara lantangnya menentang kezaliman dalam era pasca-penjajahan kini mula mendapat sokongan dan dokongan negara dunia ketiga. Tiada gunanya kita terus menjadi `pak turut' telunjuk Barat yang asyik mendesak negara membangun membuat pelbagai reformasi untuk kepentingan mereka dengan alasan kononnya ia perlu sebagai persediaan menghadapi globalisasi dan alaf baru.

Dunia kini semakin seimbang, kuasa ekonomi semakin beralih ke tangan negara ketiga dan sudah semestinya kini tibalah giliran kita, negara membangun untuk mula menjerumuskan diri ke dalam arus perdana percaturan ekonomi global. Dalam konteks ini, Mesyuarat IMF-Bank dunia yang berakhir di Hong Kong Khamis lalu sememangnya satu permulaan cemerlang yang harus dibanggakan.

(END)